



## KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

### SIARAN MEDIA

#### 500 PENDUDUK KAMPUNG DATUK KERAMAT MENERIMA SUMBANGAN BAKUL MAKANAN MELALUI PROGRAM SANTUNI MADANI

Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, hari ini telah menyantuni penduduk sekitar Kampung Datuk Keramat dalam Program Santuni Madani yang dianjurkan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) di Masjid Al-Aqram, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Program Santuni Madani ini merupakan sebuah projek di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bagi meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk kampung tersebut. Menerusi program ini, YB Menteri KPK telah memilih Kampung Datuk Keramat, Titiwangsa bagi pelaksanaan program Santuni Madani yang akan memberi fokus terhadap infrastruktur di kawasan tersebut.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program hari ini bagi merapatkan hubungan antara pemimpin dan penduduk kampung. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah program gotong-royong dengan penglibatan penduduk kampung membersihkan kawasan sekitar masjid, gotong royong memasak selain pertandingan mewarna kanak – kanak yang bukan sahaja memupuk kreativiti tetapi juga menjadi platform interaksi sihat dalam kalangan generasi muda.

YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani juga telah menyerahkan sumbangan **500 bakul makanan** yang mengandungi barang keperluan asas kepada keluarga yang memerlukan. Bantuan ini diserahkan sebagai usaha untuk membantu meringankan beban dan menunjukkan keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap kesejahteraan rakyat.

Selain itu, beberapa agensi di bawah KPK iaitu **Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)**, **Lembaga Getah Malaysia (LGM)**, **Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)**, **Lembaga Koko Malaysia (LKM)** dan **Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)** turut mengambil bahagian dengan membuka kaunter perkhidmatan dan pameran selain pembukaan kaunter Budi Agri-Komoditi.

Pelaksanaan Program Santuni Madani ini mencerminkan komitmen Kementerian dalam menyokong kesejahteraan masyarakat bandar dan luar bandar. Dengan pendekatan yang mengutamakan libat urus dan kerjasama rapat dengan komuniti, program ini diharap dapat memperkuuhkan hubungan antara pemimpin dan rakyat serta memberikan impak yang positif.